

Nilai dan identiti belia berdasarkan Indeks Belia Malaysia (IBM' 22)

Youth Values and Identity Based on the Malaysian Youth Index (IBM, 22)

Nur Syuhada Mokhzan*, Shahhanim Yahya & Vellapandian Ponnusamy

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan (KBS),
Aras 10, Menara KBS, Putrajaya, Malaysia

*Penulis Koresponden: syuhada.mokhzan@yahoo.com

Received: 30 May 2024; **Revised:** 17 December 2024 **Accepted:** 06 May 2025; **Published:** 16 May 2025

To cite this article (APA): Mokhzan, N. S., Yahya, S., & Ponnusamy, V. (2025). Nilai dan identiti belia berdasarkan Indeks Belia Malaysia (IBM' 22). *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 17(1), 99-112. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.1.6.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.1.6.2025>

Abstrak

Fokus utama kemajuan sesebuah negara bukan sahaja bergantung pada perkembangan teknologi dan pembangunan infrastruktur, tetapi juga pada pembentukan modal insan yang berkualiti melalui pendekatan menyeluruh. Dalam konteks ini, nilai dan identiti memainkan peranan penting dalam melahirkan belia yang berkaliber, selaras dengan usaha Malaysia memperkukuh jati diri dan kepimpinan mereka sebagai peneraju pembangunan negara. Oleh itu, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah melaksanakan kajian Indeks Belia Malaysia yang merangkumi enam domain dan 41 indikator yang bertindak sebagai penanda aras dalam memantau perkembangan kualiti dan kesejahteraan hidup generasi belia Malaysia. Artikel ini hanya memfokuskan kepada Domain nilai dan Identiti serta melibatkan tujuh indikator sahaja. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui tinjauan soal selidik secara bersemuka yang melibatkan seramai 3,202 orang belia berumur 15- 30 tahun di seluruh Malaysia. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif yang dijalankan melalui perisian SPSS untuk menilai tahap nilai dan identiti belia berdasarkan faktor jantina, umur dan lokaliti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai dan identiti sangat memuaskan lebih ketara dalam kalangan perempuan (15.37%) berbanding lelaki (13.15%). Selain itu, belia dalam kategori umur 25 hingga 30 tahun mencatatkan peratusan tertinggi (16.16%) bagi nilai dan identiti yang sangat memuaskan berbanding kumpulan umur lain. Secara keseluruhan, skor nilai dan identiti belia pada tahun 2022 berada pada tahap memuaskan (75.22), dengan indikator kawalan diri menunjukkan skor tertinggi pada tahap sangat memuaskan (85.62). Dapatan ini memberi penekanan kepada keperluan untuk memperkukuh pembangunan nilai dan identiti belia bagi melahirkan generasi yang lebih berdaya tahan dan berkaliber. Pengiraan skor bagi Domain Nilai dan Identiti diperoleh melalui purata skor tujuh skor indikator dan skor keseluruhan dikira berdasarkan 20 peratus nilai pemberat domain. Nilai skor dikategorikan kepada enam skala iaitu 0-39 (Sangat tidak memuaskan); 40-49 (Tidak memuaskan); 50-59 (Kurang memuaskan); 60-74 (Sederhana); 75-79 (Memuaskan) dan 80-100 (Sangat memuaskan). Oleh itu, pengukuhan nilai dalam membentuk identiti belia perlu terus diperkasakan memandangkan identiti merupakan petunjuk kepada perkembangan karakter diri belia bagi meningkatkan nilai diri dan kajian ini diharap dapat memandu penyediaan input pembentukan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Malaysia.

Kata Kunci: belia, identiti, nilai, pemerkasaan, penerapan

Abstract

The primary focus of a nation's progress is not only dependent on technological advancements and infrastructure development but also on the formation of high-quality human capital through a holistic approach. In this context, values and identity play a crucial role in shaping competent youth, aligning with Malaysia's efforts to strengthen their identity and leadership as key drivers of national development. Therefore, the Institute for Youth Research Malaysia (IYRES) has conducted the Malaysian Youth Index (MYI) study, which encompasses six domains and 41 indicators serving as benchmarks to monitor the quality and well-being of Malaysian youth. This article focuses solely on the Values and Identity domain, covering seven specific indicators. This study employed a quantitative method through a face-to-face survey involving 3,202 youth aged 15–30 years across Malaysia. Descriptive analysis was conducted using SPSS software to assess the level of youth values and identity based on gender, age and locality. Findings indicate that the level of values and identity is more satisfactory among females (15.37%) compared to males (13.15%). Additionally, youth in the 25–30 age category recorded the highest percentage (16.16%) in the "very satisfactory" level compared to other age groups. Overall, the youth values and identity score in 2022 was at a satisfactory level (75.22), with the self-control indicator achieving the highest score at a very satisfactory level (85.62). These findings highlight the need to further strengthen youth values and identity development to cultivate a more resilient and competent generation. The Values and Identity Domain score was calculated based on the average score of the seven indicators, while the overall score was derived from a 20% weighted value for the domain. The score values are categorized into six scales; 0-39 (Very Unsatisfactory), 40-49 (Unsatisfactory), 50-59 (Less Satisfactory), 60-74 (Moderate), 75-79 (Satisfactory), 80-100 (Very Satisfactory). Therefore, enhancing values in shaping youth identity must continue to be strengthened, as identity serves as an indicator of youth character development in improving their self-worth. This study is expected to provide input for the formulation of the Malaysian Youth Development Action Plan.

Keywords: youth, identity, values, empowerment, implementation

PENGENALAN

Era globalisasi telah membawa perubahan yang mendalam terhadap gaya hidup masyarakat, khususnya dalam kalangan belia. Generasi muda kini semakin terdedah kepada pelbagai pengaruh luar seperti budaya asing, kemajuan teknologi dan persekitaran sosial yang semakin kompleks (Nur Syuhada, 2024). Sebaliknya, gaya hidup tradisional yang menekankan nilai kebersamaan, kepatuhan kepada adat dan pengukuhan hubungan kekeluargaan semakin terpinggir. Peralihan ini, meskipun membuka peluang baharu kepada belia untuk meneroka dunia yang lebih luas, turut menimbulkan cabaran besar dalam mengekalkan identiti dan nilai budaya tempatan (Abdul Rashid et al., 2023).

Antara cabaran utama yang dikenalpasti ialah kesan negatif media sosial, penurunan interaksi sosial fizikal, dan tekanan terhadap pencapaian individu. Fenomena ini sering mengakibatkan nilai-nilai tradisional seperti gotong-royong, hormat kepada orang tua dan penghayatan agama semakin terhakis (Muhammad Adil, 2023). Selain itu, wujud jurang nilai yang ketara berdasarkan demografi, khususnya antara belia bandar dan luar bandar serta antara pelbagai kumpulan etnik (Dzuhailmi et al., 2015). Ketidaksamaan ini menunjukkan bahawa peluang untuk membentuk nilai dan identiti tidak dinikmati secara sama rata oleh semua belia, menjadikan pendekatan inklusif amat penting dalam menangani kepelbagaian ini (Hazlin & Khairul, 2021).

Berdasarkan kajian ini, beberapa cadangan strategik telah diusulkan untuk memperkukuh nilai dan identiti belia Malaysia. Antaranya termasuk pengenalan program pembangunan sahsiah yang bersifat inklusif dan responsif terhadap perbezaan demografi, seperti bengkel pembangunan nilai untuk belia luar bandar dan program kepimpinan untuk belia awal. Selain itu, pendekatan multidisiplin yang menggabungkan elemen psikologi, sosiologi dan budaya disarankan untuk merumuskan model pembangunan nilai dan identiti yang lebih menyeluruh. Pemerkasaan komuniti melalui aktiviti berbasis komuniti, seperti program gotong-royong dan dialog antara generasi, turut berpotensi menghidupkan semula nilai tradisional dan memperkukuh hubungan sosial.

Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam menilai keberkesanan pelaksanaan Dasar Belia Malaysia (DBM) dan memperkasakan program-program bersasar. Dapatan ini juga menyediakan asas untuk kajian lanjutan mengenai dinamika nilai dan identiti belia dalam konteks perubahan sosial dan globalisasi. Kajian masa hadapan disarankan memberi fokus kepada penerapan teknologi yang mendukung nilai budaya tempatan, selain menilai peranan institusi keluarga dan pendidikan dalam pembentukan jati diri belia. Penting untuk memastikan bahawa belia Malaysia dapat menyesuaikan diri dengan perubahan global tanpa kehilangan akar tradisional yang menjadi teras pembentukan masyarakat. Pendekatan holistik yang menggabungkan elemen tradisional dan moden adalah kritikal untuk memastikan nilai dan identiti belia terus relevan dan kukuh dalam era globalisasi yang mencabar. Dengan strategi berteraskan bukti dan pelaksanaan yang menyeluruh, belia Malaysia dapat dilahirkan sebagai generasi yang berdaya tahan, progresif, dan kompeten untuk mendepani cabaran masa hadapan.

ULASAN LITERATUR

Definisi Nilai dan Identiti Belia

Menurut Indeks Belia Malaysia (2022), nilai dan identiti belia merujuk kepada prinsip-prinsip asas atau garis panduan yang membentuk cara individu menjalani kehidupan yang melibatkan dimensi psikologi, semangat, kepercayaan, pegangan, nilai diri, kekuatan serta potensi yang boleh dimaksimumkan untuk mencapai pembangunan sahsiah unggul dan jati diri yang mantap. Abdul Rashid (2014) menyatakan bahawa nilai merujuk kepada prinsip moral, kepercayaan atau standard yang mengarahkan tingkah laku individu atau masyarakat. Sementara itu, identiti menurut Muhamad Nadhir & Rosila (2014) adalah persepsi individu terhadap diri mereka sendiri atau kelompoknya, yang merangkumi ciri-ciri yang membezakan mereka daripada kelompok lain.

Dalam konteks globalisasi, nilai dan identiti belia berfungsi sebagai elemen yang sangat dinamik, dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk perubahan sosial, kemajuan teknologi, serta interaksi budaya global yang semakin meluas. Shuhairimi et al. (2019) menegaskan bahawa globalisasi bukan hanya membuka akses kepada peluang baharu, tetapi juga mentransformasikan struktur sosial dan budaya tradisional, yang akhirnya mempengaruhi sistem nilai dan identiti generasi muda. Nur Jannah (2020) turut menambah bahawa nilai-nilai tradisional sering kali menunjukkan keupayaan untuk beradaptasi dengan budaya global yang terus berubah, meskipun unsur-unsur asasnya tetap relevan.

Untuk memastikan nilai dan identiti belia kekal relevan dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran globalisasi, pelbagai pendekatan strategik telah dicadangkan. Antaranya adalah pelaksanaan program-program komuniti yang berasaskan budaya yang bukan sahaja bersifat responsif terhadap kepelbagaian budaya dan demografi, tetapi juga penting dalam membentuk generasi belia yang progresif, berdaya tahan dan memiliki identiti yang kukuh. Pendekatan-pendekatan ini menjadi penting dalam menghadapi cabaran sosioekonomi serta perubahan budaya yang semakin kompleks dalam era globalisasi yang dinamik.

Nilai dan Identiti Belia Malaysia

Belia adalah aset bernilai kepada negara dan menjadi harapan nusa bangsa untuk merealisasikan hasrat negara dalam mencapai kemajuan yang mampan. Namun, dengan arus globalisasi yang melanda dunia kini telah memberikan cabaran yang besar terhadap kerajaan, bukan kerajaan, institusi pendidikan dan pemegang taruh yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan belia. Hal ini turut disokong oleh Indeks Belia Malaysia (2022) yang menyatakan bahawa belia pada masa ini berhadapan dengan pelbagai cabaran antara politik, sosial, ekonomi dan teknologi yang faktor penyumbang kepada penurunan nilai dan identiti belia.

Nilai dan identiti belia merupakan antara perkara yang perlu ditekankan bagi membentuk generasi belia yang lebih berwawasan dan mempunyai jati diri yang tinggi. Terdapat satu hasil dapatan dari kajian tempatan iaitu Penghayatan Semangat Patriotisme Belia Malaysia: Kajian Ke Atas PLKN

yang menyatakan bahawa pemerkasaan terhadap penerapan nilai dan identiti belia adalah bermula daripada didikan daripada keluarga dan diikuti dengan persekitaran seperti tempat belajar, kawasan tempat tinggal dan tempat kerja Mohd Mahadee et al. (2016). Perkara ini turut di sokong oleh Jamilah et al. (2018) dalam kajiannya iaitu Penerapan dan Pemerkasaan Nilai Murni dalam Kalangan Belia yang menyatakan bahawa 93.6% sangat setuju bahawa penerapan nilai dalam diri seseorang individu adalah bermula dengan didikan awal daripada keluarga.

Selain itu, terdapat juga kajian daripada Indeks Belia Malaysia (2019) yang menyatakan bahawa daya saing, kesukarelawan, patriotisme, semangat perpaduan dan integriti dalam diri bagi seseorang individu turut menyumbang kepada trend kenaikan atau penurunan tahap nilai dan identiti belia Malaysia. Oleh itu, penerapan dan pemerkasaan nilai dan identiti belia Malaysia perlu dipertingkatkan bagi menghasilkan belia yang mempunyai jati diri yang mantap dan berkeyakinan dan sekaligus dapat membantu negara untuk terus mencapai kemajuan yang mampan.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian

Pelaksanaan kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui tinjauan atau survei melalui borang soal selidik secara bersemuka yang terdiri daripada 161 item yang meliputi 6 domain dan 41 indikator bagi mengukur kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia. Kajian ini melibatkan empat fasa iaitu fasa iaitu menyediakan kertas konsep; pembinaan konstruk, pembentukan & pemurnian instrumen; kajian rintis, *Training of Trainer (TOT) Enumerator* dan kerja lapangan. Fasa keempat melibatkan analisis data, penulisan laporan interim dan pelaporan akhir dalam bentuk buku laporan penuh serta *fact & figures*. Pengumpulan data kajian dilaksanakan secara dalam talian melalui Sistem Kaji Selidik IYRES melibatkan blok perhitungan (BP) yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan melibatkan tempat kediaman yang telah ditetapkan bagi mewakili populasi belia Malaysia yang berumur antara 15 - 30 tahun di seluruh Malaysia. Pengumpulan data kajian di lapangan dilaksanakan oleh enumerator IYRES yang telah dilantik dan diberikan taklimat berkaitan prosedur pengumpulan data kajian ini.

Sampel Kajian

Dalam kajian ini seramai 3,202 orang responden yang terdiri daripada umur 15 tahun sehingga 30 tahun dan melibatkan pelbagai bangsa antaranya Melayu, India, Cina dan lain-lain serta melibatkan seluruh negeri di Malaysia termasuk Sarawak dan Sabah. Terdapat lapan golongan sasaran belia yang terlibat dalam kajian ini seperti yang telah digariskan dalam Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035 iaitu belia bersekolah; belia pengajian tinggi; perkumpulan belia; belia berkerjaya; belia Malaysia antarabangsa; belia massa; belia berisiko dan belia minoriti serta kumpulan terpinggir. Pemilihan lokasi kajian dan sampel kajian secara terperinci adalah berpandukan blok perhitungan (BP) yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berdasarkan kategori umur 15-30 tahun; lokaliti dan etnik. Pemilihan sampel juga mengambil kira bilangan populasi belia di peringkat negeri di mana populasi belia yang lebih tinggi melibatkan jumlah sampel yang lebih besar (*proportionate sampling*).

Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, proses pengumpulan data melibatkan 16 negeri seluruh Malaysia dan menggunakan khidmat IYRES Community Enumerator (ICE) yang melibatkan seramai 156 orang enumerator yang terlatih di seluruh Malaysia. Para enumerator diberikan latihan semasa Bengkel *Training of Trainer (TOT)* bagi meningkatkan pemahaman ketika di kajian lapangan. Data yang dikumpul melalui pendekatan kuantitatif ini diuraikan secara terperinci melalui bentuk deskriptif.

Kaedah Analisis Data

Dalam kajian ini analisis data yang digunakan adalah analisis deskriptif bagi menghuraikan taburan kekerapan pencapaian domain nilai dan identiti mengikut jantina, kategori umur belia, berdasarkan lokaliti dan etnik. Dalam kajian ini juga telah ditetapkan skala bagi pengukuran setiap skor. Skor yang dibangunkan menggunakan skor “100” sebagai asas pengiraan skor maksimum manakala “0” adalah nilai skor minimum.

Jadual 1 : Skala bagi pengukuran skor indikator -indikator bagi IBM’22

0-39	40 -49	50 -59	60-74	75-79	80-100
Sangat Tidak Memuaskan	Tidak Memuaskan	Kurang Memuaskan	Sederhana	Memuaskan	Sangat Memuaskan

Skala di atas menggambarkan bahawa, sekiranya nilai skor yang diperolehi antara 80 hingga 100, maka skala yang diberikan adalah ‘Sangat Memuaskan’. Bagi nilai skor 75 hingga 79, skala yang diberikan adalah ‘memuaskan’ diikuti 60 hingga 74 sederhana, 50 hingga 59; kurang memuaskan; 40 hingga 49; tidak memuaskan dan nilai skor 0 sehingga 39; sangat tidak memuaskan.

Limitasi Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada belia yang berumur 15 tahun sehingga 30 tahun dan merupakan warganegara Malaysia sahaja. Kajian ini juga hanya memfokuskan kepada domain nilai dan identiti serta melibatkan tujuh indikator sahaja iaitu berdaya, sensitiviti atau keperihatinan, hubungan sosial, konsep sendiri, gaya hidup, kepimpinan dan kawalan diri. Maklum Balas responden bergantung kepada maklum balas responden sahaja dan tempoh masa pengumpulan data dilaksanakan semasa fasa pasca pandemik yang menjadi cabaran utama dalam mengumpul data. Manakala, analisis data hanya melibatkan analisis deskriptif sahaja dan menghuraikan taburan kekerapan pencapaian domain nilai dan identiti mengikut jantina, kategori umur belia, berdasarkan lokaliti dan etnik sahaja.

DAPATAN KAJIAN

Profil Demografi Responden

Dalam kajian ini, seramai 3,202 orang responden kajian yang terlibat, terdiri daripada 1,649 orang (51.5%) lelaki dan 1,553 orang (48.5%) perempuan manakala dari segi kategori umur pula, 15 tahun sehingga 18 tahun seramai 945 orang (29.6%), 19 tahun sehingga 24 tahun seramai 1,063 orang (33.2%) dan 25 tahun hingga 30 tahun seramai 1,194 (37.2%). Majoriti responden kajian ini merupakan berbangsa Melayu iaitu 1,899 orang (59.3%) diikuti India iaitu 519 orang (16.2%), Cina 426 orang (13.3%), Bumiputera Sarawak 208 orang (6.5%), Bumiputera Sabah 80 orang (6.5%), Orang asli 12 orang (0.4%) dan lain – lain 58 orang (1.8%) . Dari aspek lokali pula, majori responden tinggal di bandar iaitu seramai 2,584 orang (80.7%) manakala di pula bandar pula seramai 618 (19.3%).

Jadual 2: Profil Responden Kajian

Latar belakang responden	n=3,202 (%)
Jantina	
Lelaki	1,649 (51.5%)
Perempuan	1,553 (48.5%)
Kategori Umur	
15 tahun sehingga 18 tahun	945 (29.6%)
19 tahun sehingga 24 tahun	1,063 (33.2%)
25 tahun sehingga 30 tahun	1,194 (37.2%)
Etnik	
Melayu	1,899 (59.3%)


continued

Cina	426 (13.3%)
India	519 (16.2%)
Bumiputera Sabah	80 (2.5%)
Bumiputera Sarawak	208 (6.5%)
Orang Asli	12 (0.4%)
Lain – lain	58 (1.8%)
Lokaliti	
Bandar	2,584 (80.7%)
Luar bandar	618 (19.3%)

Analisa Lanjut Perbandingan Pencapaian Domain Nilai dan Identiti mengikut Jantina, Kategori Umur Belia, Lokaliti dan Etnik


Jadual 3: Skor Domain bagi Nilai dan Identiti Berdasarkan Jantina

Jantina	Sangat Tidak Memuaskan (STM) (0-39) (Bil.Orang)	Tidak Setuju (TS) (40-49) (Bil.Orang)	Kurang Memuaskan (KM) (50-59) (Bil.Orang)	Sederhana (S) (60-74) (Bil.Orang)	Memuaskan (M) (75-79) (Bil.Orang)	Sangat Memuaskan (SM) (80-100) (Bil. Orang)	Jumlah Keseluruhan (Bil. Orang)
Lelaki	24	71	366	705	266	217	1649
Perempuan	24	67	261	697	269	235	1553
Jumlah	48	138	627	1402	535	452	3202
Peratus (%)	1.5	4.3	19.6	43.8	16.7	14.1	100



Rajah 2: Kekerapan skor domain nilai dan identiti berdasarkan jantina

Sumber : Indeks Belia Malaysia 2022 (IBM'22)



Rajah 3. Kekerapan skor domain nilai dan identiti berdasarkan kategori umur belia
Sumber : Indeks Belia Malaysia 2022 (IBM'22)

Jadual 3 menunjukkan domain bagi nilai dan identiti berdasarkan jantina yang melaporkan seramai 235 orang perempuan (15.37%) mempunyai nilai dan identiti yang sangat memuaskan berbanding dengan lelaki. Ini membuktikan bahawa perempuan mempunyai nilai dan identiti yang lebih tinggi berbanding.


Jadual 4: Skor Domain bagi Nilai dan Identiti berdasarkan Kategori Umur Belia

Umur Responden (Tahun)	Sangat Tidak Memuaskan (STM) (0-39) (Bil.Orang)	Tidak Setuju (TS) (40-49) (Bil. Orang)	Kurang Memuaskan (KM) (50-59) (Bil.Orang)	Sederhana (S) (60-74) (Bil.Orang)	Memuaskan (M) (75-79) (Bil.Orang)	Sangat Memuaskan (SM) (80-100) (Bil.Orang)	Jumlah Keseluruhan (Bil.Orang)
15-18 (Awal)	14	44	213	409	151	112	943
19-24 (Pertengahan)	17	51	212	476	162	147	1065
25-30 (Akhir)	17	43	202	517	222	193	1194
Jumlah	48	138	627	1402	535	452	3202
Peratus (%)	1.5	4.3	19.6	43.8	16.7	14.1	100

Jadual 4 menunjukkan domain nilai dan identiti berdasarkan kategori umur belia yang melaporkan bahawa belia akhir iaitu berumur 25 tahun sehingga 30 tahun mempunyai nilai dan identiti yang sangat memuaskan iaitu 193 orang (16.16%) berbanding belia pertengahan (19 tahun sehingga 24 tahun) seramai 147 orang (13.80%) dalam kategori sangat memuaskan . Manakala bagi belia awal (15 tahun sehingga 18 tahun) melaporkan hanya 112 orang (11.88%) saja yang mempunyai nilai dan identiti yang memuaskan. Ini membuktikan bahawa belia yang berumur 25 tahun sehingga 30 tahun (Belia akhir) mempunyai nilai dan identiti yang lebih tinggi berbanding belia pertengahan dan belia awal.

Jadual 5: Skor Domain bagi Niai dan Indentiti Berdasarkan Lokality

Lokality	Sangat Tidak Memuaskan (STM) (0-39) (Bil.Orang)	Tidak Setuju (TS) (40-49) (Bil.Orang)	Kurang Memuaskan (KM) (50-59) (Bil.Orang)	Sederhana (S) (60-74) (Bil.Orang)	Memuaskan (M) (75-79) (Bil.Orang)	Sangat Memuaskan (SM) (80-100) (Bil.Orang)	Jumlah Keseluruhan (Bil.Orang)
Bandar	38	108	513	1133	414	377	2583
Luar Bandar	10	30	114	269	121	75	619
Jumlah	48	138	627	1402	535	452	3202
Peratus (%)	1.5	4.3	19.6	43.8	16.7	14.1	100




Rajah 4: Kekerapan skor domain nilai dan identiti berdasarkan lokality
Sumber: Indeks Belia Malaysia 2022 (IBM'22)

Jadual 5 menunjukkan domain bagi nilai dan identiti berdasarkan lokality yang melaporkan seramai 377 orang (14.40%) dari bandar berada di kategori sangat memuaskan manakala seramai 75 orang (12.12%) di luar bandar berada di kategori sangat memuaskan. Ini membuktikan bahawa belia dari bandar mempunyai nilai dan identiti yang lebih tinggi berbanding belia yang berada di luar bandar.

Jadual 6: Skor Domain bagi Nilai dan Identiti berdasarkan Etnik

Etnik	Sangat Tidak Memuaskan (STM) (0-39) (Bil.Orang)	Tidak Setuju (TS) (40-49) (Bil.Orang)	Kurang Memuaskan (KM) (50-59) (Bil.Orang)	Sederhana (S) (60-74) (Bil.Orang)	Memuaskan (M) (75-79) (Bil.Orang)	Sangat Memuaskan (SM) (80-100) (Bil.Orang)	Jumlah Keseluruhan (Bil.Orang)
Melayu	26	69	349	847	351	258	1900
Cina	10	22	85	185	59	64	425
India	8	23	102	223	72	75	503
Bumiputera Sabah	0	4	24	29	11	13	81
Bumiputera Sarawak	4	18	39	79	35	32	207
Orang Asli	0	1	5	5	0	1	12
Lain-lain	0	1	23	34	7	9	74
Jumlah	48	138	627	1402	535	452	3202
Peratus (%)	1.5	4.3	19.6	43.8	16.7	14.1	100



Rajah 5: Kekerapan skor domain nilai dan identiti berdasarkan etnik
Sumber : Indeks Belia Malaysia 2022 (IBM'22)

Jadual 6 menunjukkan skor domain bagi nilai dan identiti berdasarkan etnik yang melaporkan semua etnik adalah di tahap sederhana . Hal ini dapat dilihat bahawa majoriti bilangan responden adalah di tahap sederhana iaitu seramai 847 orang bagi etnik Melayu (44.57%). Manakala 223 orang di tahap sederhana bagi etnik India (44.33%), diikuti Cina seramai 185 orang (43.53%), bumiputera sarawak seramai 79 orang (38.16%), lain-lain etnik seramai 34 orang (45.95%), bumiputera sabah 29 orang (35.80%) dan orang asli turut menunjukkan bilangan tertinggi berada di tahap sederhana sebanyak 5 orang (41.67%). Hal ini dapat membuktikan bahawa pemerkasaan dalam meningkatkan nilai dan identiti belia Malaysia berdasarkan etnik perlu dipertingkatkan dan terus diperkasakan.

Jadual 7: Skor Keseluruhan bagi Domain Nilai dan Identiti dan Indikator-indikator

Domain	Skor Domain IBM'22	Indikator	Skor Indikator IBM'22	Jenis Data
Nilai dan Identiti	75.22	1.Berdaya	75.34	Primer
		2.Sentiviti atau Keprihatinan	67.72	Primer
		3.Hubungan Sosial	73.90	Primer
		4.Konsep Kendiri	73.37	Primer
		5.Gaya Hidup	77.90	Primer
		6.Kepimpinan	72.67	Primer
		7.Kawalan Diri	85.62	Primer

Jadual 8: kor Skala Bagi Domain dan Indikator – Indikator Bagi Nilai dan Identiti Belia

Skala

0-39	40 -49	50 -59	60-74	75-79	80-100
Sangat Tidak Memuaskan	Tidak Memuaskan	Kurang Memuaskan	Sederhana	Memuaskan	Sangat Memuaskan

Sumber : Indeks Belia Malaysia 2022 (IBM'22)

Jadual 7 menunjukkan hasil dapatan kajian yang melibatkan domain dan indikator bagi nilai dan identiti belia tahun 2022. Dalam kajian ini, jenis data yang digunakan adalah data primer bagi setiap domain dan indikator yang diukur. Berdasarkan hasil dapatan kajian mendapati bahawa skor keseluruhan nilai dan identiti belia berada di tahap yang memuaskan iaitu 75.22 dan berlakunya peningkatan sebanyak 0.22 berbanding tahun 2021. Seterusnya, domain nilai dan identiti ini dibahagikan kepada tujuh indikator iaitu (1) berdaya dengan nilai skor 75.34 (memuaskan), (2) sensitiviti atau keperihatinan dengan nilai skor 67.72 (sederhana), (3) hubungan sosial dengan nilai skor 73.90 (sederhana), (4) konsep sendiri dengan nilai skor 73.37 (sederhana), (5) gaya hidup dengan nilai skor 77.90 (memuaskan), (6) kepimpinan dengan nilai skor 72.67 (sederhana) dan (7) kawalan diri dengan nilai skor 85.62 (sangat memuaskan). Berdasarkan hasil dapatan menunjukkan bahawa hanya satu indikator sahaja yang menunjukkan skor yang sangat memuaskan iaitu kawalan diri. Ini dapat membuktikan bahawa pemeraksanaan terhadap nilai dan identity belia perlu diperkasakan belia membentuk belia yang berkaliber pada masa akan datang.

PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan nilai, sikap, dan identiti belia, serta kesannya terhadap aspek sosial dan kemajuan peribadi mereka. Selain itu, analisis turut dijalankan untuk membandingkan pencapaian dalam domain nilai dan identiti berdasarkan jantina, kategori umur belia, lokaliti, dan etnik, bagi mengenal pasti perbezaan dan persamaan dalam pengalaman serta pembentukan identiti belia di Malaysia. Berdasarkan dapatan Kajian Indeks Belia Malaysia 2022, peningkatan skor keseluruhan bagi domain nilai dan identiti yang mencatatkan skor 75.22 dengan kenaikan 0.22 berbanding tahun 2021, menunjukkan bahawa belia Malaysia semakin menghayati nilai-nilai positif dalam kehidupan mereka. Walaupun peningkatan ini adalah satu perkembangan yang positif, beberapa domain dan indikator masih memerlukan perhatian yang lebih mendalam untuk memastikan belia Malaysia bukan sahaja berdaya saing, tetapi juga memiliki kualiti yang tinggi dalam aspek moral dan kepimpinan.

Antara indikator yang menarik perhatian adalah kawalan diri, yang mencatatkan skor yang sangat memuaskan iaitu 85.62. Ini menunjukkan bahawa belia Malaysia secara keseluruhan memiliki tahap kawalan diri yang tinggi, satu ciri yang amat penting dalam menghadapi cabaran kehidupan moden. Skor tinggi dalam kawalan diri ini berpotensi membantu belia menguruskan emosi dan tingkah laku mereka dengan lebih baik, seterusnya memainkan peranan penting dalam pembentukan karakter. Walau bagaimanapun, hasil kajian juga menunjukkan bahawa hanya kawalan diri yang berada pada tahap sangat memuaskan, manakala indikator lain seperti gaya hidup dan kepimpinan masih berada pada tahap memuaskan (77.90 dan 72.67, masing-masing). Oleh itu, penambahbaikan yang lebih fokus diperlukan dalam aspek kepimpinan, memandangkan kepimpinan memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk belia yang berkemampuan untuk memberi sumbangan positif kepada negara, baik dari segi sosial mahupun ekonomi.

Seterusnya, dari segi demografi, dapatan kajian menunjukkan perbezaan yang ketara antara belia bandar dan luar bandar. Belia bandar mencatatkan skor yang lebih tinggi, dengan 377 orang dalam kategori sangat memuaskan bagi domain nilai dan identiti, berbanding hanya 75 orang di luar bandar. Ini mencerminkan kesan akses kepada sumber pendidikan, program pembangunan belia, dan peluang yang lebih banyak di kawasan bandar. Perbezaan ini perlu diberi perhatian untuk merancang program yang lebih inklusif dan memberi fokus kepada belia luar bandar agar mereka tidak tertinggal dalam aspek pembangunan diri.

Dari segi jantina, dapatan kajian menunjukkan bahawa belia perempuan mempunyai skor yang lebih tinggi (1.98% lebih tinggi) berbanding lelaki. Ini mencadangkan bahawa belia perempuan mungkin lebih terdedah kepada program yang memfokuskan kepada pembangunan nilai diri dan keperibadian. Walaupun perbezaan ini kecil, ia memberi indikasi bahawa pendekatan dalam pembangunan belia perlu lebih peka kepada perbezaan jantina untuk memastikan keperluan dan cabaran spesifik mereka dapat ditangani dengan berkesan. Di samping itu, kajian ini juga menyentuh tentang indikator gaya hidup, yang merujuk kepada kepercayaan kepada Tuhan sebagai petunjuk moral dan pembentukan nilai diri. Skor gaya hidup yang memuaskan ini (77.90) menunjukkan bahawa belia semakin menghayati dan mengamalkan prinsip-prinsip agama dalam kehidupan seharian mereka. Kajian Yasmin et al. (2023) mengesahkan bahawa belia Malaysia kini lebih cenderung untuk mengaitkan nilai agama dengan cara hidup mereka. Ini dapat dilihat dalam kajian oleh Understanding The Anxieties and Desires of Malaysian Youth (2012) yang menyatakan bahawa agama adalah landasan utama bagi belia dalam menjalani kehidupan yang bermakna dan beretika.

Namun, beberapa indikator lain, termasuk hubungan sosial, konsep sendiri, dan kepimpinan menunjukkan skor yang masih berada dalam kategori sederhana (60-74), yang memerlukan perhatian serius. Hubungan sosial, yang merujuk kepada kemampuan belia untuk menjalin ikatan dengan orang lain, serta konsep sendiri yang melibatkan penghargaan terhadap diri sendiri, adalah aspek penting dalam perkembangan psikologi belia. Kekurangan dalam kedua-dua aspek ini boleh memberi kesan kepada kemampuan belia untuk bekerja dalam kumpulan atau menghadapi tekanan sosial. Begitu juga dengan indikator kepimpinan, yang mencatatkan skor yang lebih rendah daripada yang diharapkan.

Dalam dunia yang semakin global, kebolehan untuk memimpin, membuat keputusan, dan mengendalikan situasi sukar adalah kemahiran yang sangat diperlukan. Oleh itu, program-program yang memberi fokus kepada pembangunan kepimpinan perlu diperkasakan untuk memastikan belia dapat mengambil peranan lebih besar dalam pembangunan negara.

Keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat peningkatan dalam beberapa domain dan indikator, usaha untuk memperkasa nilai murni dan identiti belia Malaysia perlu diteruskan. Kementerian Belia dan Sukan serta agensi yang terlibat dalam pembangunan belia perlu memastikan bahawa program yang dilaksanakan bukan sahaja melibatkan pendidikan formal, tetapi juga penekanan kepada pembentukan sahsiah dan kepimpinan belia. Seiring dengan cabaran global yang semakin kompleks, belia Malaysia perlu dipersiapkan dengan bukan sahaja pengetahuan dan kemahiran teknikal, tetapi juga dengan nilai-nilai moral yang kukuh dan kemampuan kepimpinan yang tinggi untuk memastikan mereka dapat menyumbang secara positif kepada pembangunan negara.

Sebagai kesimpulan, kajian ini menekankan bahawa pemeraksanaan yang berterusan terhadap nilai murni, kepimpinan, dan konsep sendiri dalam kalangan belia Malaysia perlu dilaksanakan dengan lebih holistik dan menyeluruh. Walaupun terdapat peningkatan dalam beberapa indikator, masih ada ruang untuk penambahbaikan terutamanya dalam aspek kepimpinan dan hubungan sosial. Ini menuntut kerjasama yang lebih erat antara kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat dalam merangka program-program yang menyeluruh dan memberi kesan jangka panjang kepada pembangunan belia Malaysia.

KEPENTINGAN KAJIAN

Indeks Belia Malaysia (IBM) merupakan Key Performance Indicator (KPI) yang didokumenkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021 – 2025) bagi melaporkan pencapaian kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia. Tambahan pula, dapatan IBM juga merupakan input bagi melaporkan *ASEAN Youth Development Index* (ASEAN YDI) dan *Global Youth Development Index* (Global YDI).

Bagi meningkatkan pencapaian nilai dan identiti dalam kalangan belia Malaysia, penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan belia di pelbagai peringkat yang melibatkan semua pemegang taruh pembangunan belia secara optimum sangat wajar untuk dipertingkatkan bagi memastikan bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah cemerlang dalam sahsiah dan tingkah laku. Tambahan pula, golongan belia merupakan generasi pewaris bagi pembangunan Malaysia yang mampan selaras dengan enam teras utama Malaysia Madani iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Keenam-enam teras Malaysia ini jelas memberi penekanan kepada pemantapan, nilai, jati diri dan identiti individu bagi mencapai kualiti dan kesejahteraan hidup yang baik (Kementerian Perpaduan Negara, 2023).

Strategi dan inisiatif bagi memperkasakan golongan belia dapat direalisasikan dengan memastikan suara, pandangan dan idea mereka diambil berat dan diterjemahkan kepada pelan tindakan berkaitan pembangunan belia Malaysia. Selain itu, strategi dan inisiatif bagi meningkatkan sensitiviti atau keprihatinan golongan belia perlu diperkasakan dengan memberikan galakan, inspirasi dan penghargaan kepada mereka melalui penglibatan golongan belia dengan pelbagai pemegang taruh Pembangunan belia yang terlibat secara langsung seperti kementerian, jabatan, badan bukan Kerajaan (NGO) dan lain-lain.

IMPLIKASI KE ATAS DASAR-DASAR KERAJAAN YANG BERKAITAN

Pembangunan nilai dan identiti belia Malaysia sangat berkait rapat dengan hasrat Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021 – 2025) iaitu Pembangunan modal insan (Kementerian Ekonomi, 2021). Tambahan pula, Revolusi Industri 5.0 telah memberi penekanan bukan sahaja kepada kemajuan sains, teknologi dan intelek malah memberi tumpuan kepada pemantapan nilai, sahsiah dan jati diri individu (Siti Nor Azhani et al. 2022) Pembangunan modal insan juga selari dengan matlamat Malaysia Madani, Model Pembangunan Belia Madani dan Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015 – 2035 (Kementerian Perpaduan Negara, 2023).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa nilai dan identiti belia Malaysia dipengaruhi oleh faktor jantina, umur, dan lokaliti, dengan perempuan dan belia akhir (25-30 tahun) menunjukkan skor yang lebih tinggi. Walaupun nilai dan identiti belia secara keseluruhan berada pada tahap memuaskan, terdapat keperluan untuk memperkukuh aspek-aspek tertentu, seperti kawalan diri, untuk membentuk generasi yang lebih berdaya tahan. Pemerkasaan nilai dan identiti belia Malaysia perlu diperluas kepada semua peringkat umur, jantina, etnik, dan lokaliti. Penekanan terhadap penerapan nilai dalam kalangan belia yang masih di sekolah atau universiti adalah kritikal, memandangkan institusi-institusi ini memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri belia. Kerjasama antara belia dan golongan dewasa, termasuk pengamal profesional dalam sektor pekerjaan, perlu dipertingkatkan bagi menyokong inisiatif yang digariskan dalam Dasar Belia Malaysia. Usaha ini penting untuk mendayaupayakan generasi muda agar mereka dapat menghadapi cabaran globalisasi dan perubahan sosial dengan lebih baik, sambil tetap berpegang pada nilai murni dan identiti budaya yang kukuh. Dengan pendekatan yang lebih inklusif dan bersepadu, pembangunan nilai dan identiti belia Malaysia dapat diperkukuhkan untuk melahirkan generasi yang berkaliber dan mampu menyumbang kepada kemajuan negara.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini secara langsung atau tidak langsung.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). 2019. Penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia 2019, eds. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 42-45. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).2012. *Understanding The Anxieties and Desires of Malaysian Youth*.
<https://iyres.gov.my/images/penerbitan/Understanding%20The%20Anxieties%20&%20Desires%20of%20Malaysia%20Youth.pdf>.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).2021. *Indeks Belia Malaysia 2021 (IBM'21)*, eds. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 64-67. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).2022. *Facts: Figures: Indeks Belia Malaysia 2022 (IBM'22)*, eds. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 70-73. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).2023. Penilaian Pembangunan Belia Positif 8C bagi Program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) Tier 3, eds. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 34-35. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).2023. Statistik Belia Malaysia. 2022.<https://www.iyres.gov.my/images/penerbitan/Statistik%20Belia%20Malaysia%202022%20Vol%2010%20Terbitan%202023V3.pdf>.
- Jamilah Ahmad & Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir.2018. Penerapan Dan Pemerkasaan Nilai Murni Dalam Kalangan Belia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 19(2),168-199.
- Jamilah Maliki, Normah Mustaffa, Mohd Nor Shahizan Ali & Mus Chairil Samani. 2022. Identiti Menerusi Media Sosial: Konstruksi, Konteks Dan Hubungannya Dengan Aspek Pengetahuan. *Jurnal Komunikasi Borneo*. 10(1),71-86.
- Kementerian Ekonomi. 2021. Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025).
https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/flipping_book/RMKe12/mobile/index.html.
- Kementerian Perpaduan Negara. 2023. Model Pembangunan Belia Madani dan Dasar Belia Malaysia.(DBM).2015-2035.
<https://www.perpaduan.gov.my/images/2023/dasar/PerpaduanMalaysiaMadani/PerpaduanMalaysiaMa>

dani.pdf.

Malaysia. 1997. Dasar pembangunan belia negara. Putrajaya. <https://www.kbs.gov.my/>.

Mohd Mahadee Ismail, Azlina Abdullah, Mansor Mohd Noor & Siti Noranizahhafizah Boyman. 2016. Penghayatan Semangat Patriotisme Belia Malaysia: Kajian Ke Atas PLKN. *Research Journal of Social Sciences*. 9(3), 37-44.

Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Farah Laili Muda @ Ismail Mashitah dan Sulaiman. Revolusi Industri 5.0. 2022. Transformasi Sosial Menuju Revolusi Industri 5.0: Kerelevanan dalam Kerangka Identiti Nasional di Malaysia. 97-98. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.

Yasmin Yaccob, Ireena Nasiha Ibnu, & Ribka Alan. 2023. Impak Globalisasi Media Terhadap Kesepaduan Sosial Dalam Kalangan Belia Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 8(59), 228 – 244.

Muhamad Nadhir Abdul Nasir & Rosila Bee Mohd Hussain. 2014. Permasalahan Identiti: Penilaian Konsep Defisit Identiti Dan Konflik Identiti. *Jurnal Sarjana*. 29(2), 44-55.

Shuhairimi Abdullah, Mohd Mizan Mohd Aslam, Noor Salwani Hussin. 2019. Implikasi Globalisasi Terhadap Nilai-Nilai Murni Kekeluargaan Melayu. Satu Analisis Dari Perspektif Islam. 1-22. https://www.researchgate.net/publication/337144542_Implikasi_Globalisasi_Terhadap_Nilai.

Nur Jannah Bukhari, Kim Keum Hyun, Aida Idris & Marzudi Md Yunus. 2020. Budaya Dan Kesannya Ke Atas Perbelanjaan Belia Melayu Kuala Lumpur. *Journal of Social Sciences and humanities*. 17(4), 1-18.

Nur Syuhada Mokhzan. 2024. Peranan Komunikasi dan Penggunaan Teknologi Maklumat dalam Kehidupan Sehari-hari Belia: Kajian terhadap Fungsi Personal, Interaksional, dan Informasi. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(5), 1-13.

Abdul Rashid Abdul Aziz, Muhammad Khairi Mahyuddin, Muhammad Nubli Abdul Wahab, Husin Sungkar, Nurun Najihah Musa, Nur A'in Mustafar. 2023. Kerangka Konsep Keluarga Malaysia dalam Mencapai Kesejahteraan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 8(1), 1-12. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.21961>.

Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15(1), 24–37. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.3.2023>.

Dzuhailmi Dahalan, Haslinda Abdullah, Sulaiman Md. Yassin. 2015. Keadilan polisi ke arah integrasi nasional di Malaysia: Persepsi generasi baharu. *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space*. 11(6), 78-86.

Hazlin Binti Haris¹, Khairul Farhah Khairuddin¹. Pelaksanaan Pedagogi Inklusif bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 197 – 210. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.666>.